

Kabinet setuju pengharaman Dego Ride – Tiong Lai

PUTRAJAYA 15 Feb. – Kabinet bersetuju dengan tindakan pengharaman perkhidmatan teksi motosikal, Dego Ride yang dilihat boleh mendatangkan pelbagai risiko kepada orang ramai.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri hari ini selepas beliau membentangkan kewajaran pihaknya tidak membenarkan perkhidmatan tersebut beroperasi di negara ini.

“Kabinet juga meminta kita memberikan penerangan lebih lanjut kepada rakyat berhubung keputusan pengharaman tersebut.

“Kita faham objektif perkhidmatan itu untuk membantu orang ramai, namun tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia kerana faktor keselamatan, apatah lagi kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan pengangkutan awam terbaik seperti Transit Aliran Massa (MRT), Sistem Aliran Ringan (LRT), monorel dan komuter,” katanya ketika ditemui di Kementerian Pengangkutan di sini hari ini.

Menurut Tiong Lai, Kementerian Pengangkutan tetap dengan keputusan sebelum ini untuk tidak membenarkan sama sekali perkhidmatan itu beroperasi.

“Namun pihak kementerian amat mengalu-alukan pengusaha Dego Ride sekiranya mahu berjumpa dengan kita untuk beri penjelasan. Kita amat terbuka dalam soal ini,” katanya.

Mengenai langkah memanggil pengendali Dego Ride baru-baru ini, beliau berkata, mereka diminta memberi keterangan susulan beberapa penunggang motosikal perkhidmatan berkenaan telah disaman Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

SUMBER : UTUSAN MALAYSIA | M/S: 3 | 16 FEBRUARY 2017